



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KISAH MENJADI IBRAH

Tarikh Dibaca :

**17 ZULKAEDAH 1443H/
17 JUN 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KISAH MENJADI IBRAH

17 ZULKAEDAH 1443H / 17 JUN 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ أُقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿١٤﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “Kisah Menjadi Ibrah”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar serta dan memelihara hubungan baik antara sesama manusia. Selain itu, teruslah berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19 dan penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD) yang sedang merebak. Jagalah kebersihan kerana ia juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat besar dalam Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Isu penghinaan ke atas agama Islam dan Rasulullah SAW bukanlah baru berlaku sekali dua. Tetapi, jika kita soroti episod-episod penghinaan ini, ia telah berlaku sejak sekian lama bahkan semenjak Rasulullah SAW masih hidup lagi Baginda telah dihina dan disakiti. Baginda SAW telah menerima pelbagai tuduhan dan cercaan bahkan diancam bunuh oleh orang-orang Musyrikin dan kafir Quraisy ketika itu. Nabi dituduh sebagai gila, ahli sihir, penyair dan bermacam-macam lagi tuduhan yang tidak masuk akal. Namun Baginda SAW tetap sabar dan teguh melaksanakan tugas dakwahnya menyampaikan risalah Islam.

Allah SWT menurunkan al-Quran bagi membela dan mempertahankan Rasulullah SAW dari sebarang tuduhan dan tohmahan Musyrikin. Terlalu banyak dalil dalam al-Quran yang menunjukkan betapa Allah SWT membela dan mempertahankan Nabi Muhammad SAW. Antaranya seperti dalam Surah al-Qalam ayat 2-4, Allah SWT berfirman:

مَا أَنْتَ بِعِزَّةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾ وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ



Maksudnya: “Engkau (wahai Muhammad) - dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu - bukanlah seorang gila (sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik, bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana). Dan sesungguhnya engkau tetap beroleh pahala yang amat besar, yang tidak putus-putus, (sebagai balasan bagi menjalankan ajaran Islam); Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengimbas kembali dalam peristiwa hijrah, Rasulullah SAW telah berhadapan dengan pelbagai ancaman. Allah SWT merakamkan mehnah dan tribulasi yang dihadapi oleh Baginda dan sahabatnya yang setia iaitu Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA ketika berlindung di dalam gua. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 40:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيًا أَثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٦٠﴾

Maksudnya: “Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedangkan dia salah seorang daripada dua (sahabat) ketika mereka berlindung di dalam gua. Pada ketika itu, dia berkata kepada sahabatnya: “Janganlah kamu berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita”. Maka Allah menurunkan ketenangan kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terbawah (kalah dengan sehinah-hinanya) dan Kalimah Allah (Islam) adalah yang tertinggi (selama-lamanya) kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Dalam peristiwa ini juga, makhluk yang lain turut sama melindungi Rasulullah SAW dari disakiti oleh orang Kafir Quraisy. Labah-labah membuat sarangnya di pintu masuk gua bagi mengelirukan pihak musuh. Imam Ibn Kathir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* membawakan satu riwayat: “Nabi SAW dan Abu Bakar bertolak ke gua. Manakala, kaum Quraisy datang mencari Nabi SAW dan mereka melihat terdapat sarang labah-labah di pintu gua sambil berkata: Tidak ada sesiapa yang (boleh) memasukinya (tanpa merosakkan sarang labah-labah tersebut)”.

Lihat pula peristiwa Allah SWT memelihara dan melindungi Rasulullah SAW daripada disakiti oleh Suraqah bin Malik ketika beliau cuba mengejar Nabi SAW dan juga Abu Bakar al-Siddiq dalam perjalanan mereka ke Kota Madinah. Beberapa kali kaki kudanya tersungkur tatkala Suraqah hampir dapat menangkap Rasulullah SAW. Akhirnya, dengan kuasa dan pertolongan Allah SWT, terbenamlah kaki kuda Suraqah dalam pasir yang akhirnya menundukkan ego Suraqah bin Malik dan lantas menanamkan keyakinannya terhadap Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kenangkan juga peristiwa dakwah Nabi SAW ke Taif. Pemilihan Kota Taif ialah kerana kedudukannya yang sangat strategik dan merupakan salah satu kawasan pemukiman besar penduduk dan sebagai pusat perdagangan. Taif juga dipilih kerana ia merupakan lokasi tempat tinggal Bani Thaqif, iaitu salah satu qabilah yang terhormat di Semenanjung Arab ketika itu. Namun, kedatangan Rasulullah SAW yang menempuh perjalanan sejauh (lebih kurang) 100 km dengan berjalan kaki dari Mekah menuju ke Taif tidak disambut dengan baik. Bahkan Rasulullah SAW menerima ejekan, dibaling batu dan diusir.

Rasulullah SAW tetap dengan ketenangan. Ketika berlindung di sebuah kebun kurma, Baginda solat lalu berdoa kepada Allah SWT memohon pertolongan. Malaikat Jibril yang menyaksikan kejadian itu berkata: *“Allah mengetahui apa yang terjadi padamu dan orang-orang ini. Allah telah memerintahkan malaikat-malaikat di gunung-gunung untuk mentaati perintahmu”*. Para malaikat penjaga gunung kemudian berkata: *“Wahai Muhammad! Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan kaummu terhadapmu. Aku adalah malaikat penjaga gunung dan Tuhanmu telah mengutusku kepadamu untuk engkau perintahkan menurut kehendakmu, jika engkau suka, aku mampu menterbalikkan Gunung Akhsyabin ini ke atas mereka”*.

Namun jawapan Nabi SAW sangatlah menyentuh hati. Nabi SAW dengan lembut berkata kepada Jibril dan malaikat penjaga gunung: *“Walaupun mereka menolak ajaran Islam, aku berharap dengan kehendak Allah, keturunan mereka pada suatu masa nanti akan menyembah Allah dan beribadah kepada-Nya”*. Nabi bahkan berdoa yang maksudnya: *“Ya Allah! Berikanlah petunjuk kepada kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui”*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khutbah kali ini sengaja membawakan kisah-kisah penghinaan dan ancaman yang diterima oleh Nabi SAW ketika Baginda masih hidup bertujuan menunjukkan episod penghinaan ke atas Rasulullah SAW telah berlaku sejak Baginda masih hidup dan sikap Rasulullah SAW berhadapan dengan situasi tersebut. Betapa sifat kemanusiaan, kasih dan sayangnya Rasulullah SAW kepada umatnya sangatlah tinggi walaupun Baginda disakiti dengan amat dahsyat.

Kita wajib mengambil iktibar, pengajaran dan teladan dari sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Lihat juga makhluk-makhluk lain seperti labah-labah dan para malaikat juga turut sama-sama mempertahankan Rasulullah SAW dari terus disakiti dan dihina. Maka, kita sebagai Mukmin juga wajib bersama-sama dengan ketegasan mempertahankan Rasulullah SAW dari terus dihina kerana menghina Rasulullah SAW selepas kewafatannya sama seperti menyakiti Baginda ketika masih hidup.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Berdasarkan kepada dalil al-Quran, hadis dan kisah yang dikemukakan tadi, terbukti kepada umat ini bahawa Allah SWT, para malaikat dan seluruh makhluk bangkit mempertahankan Rasulullah SAW ajaran yang dibawa oleh baginda dari disakiti atau dcederai, dicemuh dan dihina, dan tuduhan gila atau penyair. Kita patut malu dan tercabar dengan labah-labah yang membina sarangnya di pintu gua, malaikat penjaga gunung dalam peristiwa di Taif serta batu dan pasir dalam perjalanan hijrah Rasulullah SAW.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, khatib ingin meninggalkan beberapa pesanan:

Pertama: Episod penghinaan terhadap Rasulullah SAW bukanlah berlaku sehari dua namun telah berlaku sejak sekian lama bahkan ketika Rasulullah SAW masih hidup.

Kedua: Allah SWT menurunkan al-Quran kepada manusia bagi membela dan mempertahankan Rasulullah SAW dari tohmahan dan tuduhan tidak berasas orang-orang kafir.

Ketiga: Sikap dan sifat Nabi yang pemaaf dan tidak mudah melenting dalam berhadapan dengan segala penentangan wajib dicontohi dan diteladani kerana Baginda jualah sebaik-baik contoh teladan buat kita semua.

Keempat: Umat Islam wajib bersatu hati tanpa mengira fahaman mazhab dan parti politik, warna kulit dan batas sempadan negara untuk bangkit mempertahankan Rasulullah SAW dari terus dicemuh dan dihina. Bangkitlah dengan hujah dan suri teladan akhlak yang terbaik sebagai umat yang mendapat didikan Baginda SAW sepanjang zaman.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ

يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.